

31/05/2004

Radzi belum dapat bayangan jadi Setiausaha Agung

KANGAR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad yang disebut-sebut bakal dilantik Setiausaha Agung Umno yang baru bagi menggantikan Tan Sri Khalil Yaacob, berkata keputusan siapa calon hanya akan diketahui 1 Jun ini.

Beliau berkata, Pemangku Presiden, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membuat pengumuman mengenai calon Setiausaha Agung Umno yang baru selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), Selasa ini.

Radzi yang juga Ketua Penaja Umno bahagian Kangar adalah antara nama yang disebut-sebut bakal menggantikan Khalil yang dilantik Yang Dipertuan Negeri Melaka ke-6, Jumaat ini.

Radzi berkata, beliau mendapat banyak panggilan daripada wartawan yang bertanyakan soalan sama ada beliau akan dilantik ke jawatan itu.

"Saya menerima panggilan bertubi-tubi daripada wartawan yang bertanyakan sama ada saya diberi bayangan akan dilantik (ke jawatan itu).

"Beliau ini (Abdullah) pemimpin yang sukar diramal berbanding Tun Dr Mahathir Mohamad. Tengok masa beliau umumkan barisan Kabinet, seorang pun tidak tahu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan mesyuarat berkelompok cawangan Umno bahagian Kangar, semalam.

Katanya, beliau sendiri tidak tahu siapa yang akan dilantik ke jawatan itu dan meminta semua pihak terutama media menunggu sehingga diumumkan 1 Jun ini pada mesyuarat MT.

Semalam, akhbar New Sunday Times melaporkan selain dilantik sebagai Setiausaha Agung Umno, Radzi juga akan dilantik sebagai Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN) bagi memudahkan semua urusan.

Selain Radzi, nama yang turut disebut-sebut akan dilantik ke jawatan itu ialah Naib Presiden, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Ketua Penaja Umno bahagian Johor Bahru, Datuk Shahrir Abdul Samad.

Bagaimanapun, Muhamad dikatakan menolak tawaran itu kerana mahu memberi tumpuan dan mempertahankan jawatan Naib Presiden, manakala Shahril pula baru saja dilantik sebagai Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan (BBC).

Sementara itu, Radzi belum pasti akan mengekalkan jawatan Ketua Umno Bahagian sehingga mesyuarat cawangan bermula Jun ini.

Beliau yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkata, masih terlalu awal untuk mengumumkan sama ada beliau akan mempertahankan atau tidak jawatan Ketua Penaja Umno Bahagian Kangar.

Katanya, beliau belum menerima sebarang pencalonan kerana mesyuarat 109 cawangan Umno di Kangar hanya bermula Jun ini.

Sementara itu, Ketua Penaja Umno Bahagian Padang Besar, Datuk Azmi Khalid, mengumumkan tidak akan bertanding bagi mempertahankan jawatan itu yang dipegangnya sejak empat penggal lalu pada pemilihan bahagian Julai ini.

Azmi, 62, yang juga Ahli Parlimen Padang Besar dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengumumkan keputusan untuk tidak bertanding ketika berucap merasmikan mesyuarat berkelompok cawangan Umno Bahagian Padang Besar di Sekolah Menengah Datuk Jaafar Hassan di Padang Besar, semalam.

"Saya meminta nama saya tidak dicalonkan bagi mempertahankan jawatan Ketua Bahagian Umno Padang Besar dalam pemilihan bahagian tidak lama lagi.

"Keputusan ini dibuat selepas saya berfikir secara mendalam, berbincang dengan ahli keluarga dan yakin ia akan memberi peluang kepada pemimpin muda yang mampu menggantikan tempat saya," katanya di hadapan lebih 100 ahli Umno bahagian itu.

(END)